

KUALA LUMPUR, 4 MEI (BERNAMA)— TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN YAKIN BAHAWA MATA-LAMATNYA UNTUK LATIHAN PERINDUSTRIAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT AKAN DAPAT DICAPAI SEBAHAGIANNYA KERANA SEMANGAT KERJA-SAMA SEKTOR SWASTA.

BELIAU GEMBIRA BAHAWA SEKTOR SWASTA DAN PARA PELABUR YANG BERPOTENSI TELAH MEMBERI KESANGGUPAN SECARA SUKARELA UNTUK MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING DALAM LATIHAN PERINDUSTRIAN SEMASA TEMPOH RANCANGAN TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU YAKIN DALAM HUBUNGAN INI KERAJAAN TIDAK PERLU MEMBERIKAN INSENTIF KEPADA MEREKA UNTUK BERBUAT DEMIKIAN.

PIHAK KERAJAAN AKAN MEMBINA LEBIH BANYAK SEKOLAH VOKESYENAL DAN MELIPATGANDAKAN USAHA BAGI MEMBERI LEBIH BANYAK KEMUDAHAN, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT EXPOSISI LATIHAN PERINDUSTRIAN DI CHANGKAT-PAVILION DI SINI PETANG INI.

DATUK SERI DR. SITI HASMAM DAN MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT, DATUK RICHARD HO MENGIKIRI BELIAU.

—BERSAMBUNG 2220/AH

MAHATHIR - LATIHAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PARA PELABUR TERTENTU MEMBERI KESANGGUPAN UNTUK MENGADAKAN BIASISWA BAGI LATIHAN PERINDUSTRIAN UNTUK RAKYAT MALAYSIA DI NEGARA MASING-MASING SELAIN DARI MELATIH MEREKA DI NEGARA INI.

BELIAU MENGUMUMKAN BAHAWA HARI INI BELIAU TELAH MENERIMA SEPUCUK SURAT DARI SEBUAH FIRMA KOMPUTER YANG BERMINAT UNTUK MELABUR DI NEGARA INI DAN MENAWARKAN UNTUK MELATIH RAKYAT MALAYSIA DALAM SEKTOR SWASTA DAN KERAJAAN UNTUK MENJADI PERANCANG KOMPUTER.

KATANYA, + INI MERUPAKAN SATU KESANGGUPAN SECARA SUKARELA DAN SAYA GEMBIRA KERANA TAWARAN ITU MENGUNTINGKAN. +

MENGENAI ISU UMBC, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGULANGI PERKARA ITU TIDAK PERLU DIHEBOHKAN DAN BELIAU + SEDANG MENIMBANGKAN KEPENTINGAN KEDUA-DUA PIHAK. +

BELIAU TIDAK MAHU MENYEBUT DENGAN PANJANG LEBAR LAPORAN BAHAWA BELIAU AKAN MENGUMUMKAN AWAL BULAN INI TENTANG FORMULA PERATUS UNTUK PEMBAGIAN EKUITI BANK TERSEBUT.

DITANYA SAMA ADA BELIAU TELAH MEMBINCANGKAN DENGAN DATUK HUSSEIN ONN MENGENAI CARA HENDAK MENGATASI KRISIS UMNO PAHANG, DATUK SERI

DR. MAHATHIR BERKATA + SAYA TIDAK FIKIR ADA KRISIS DAN PERDANA MENTERI TIDAK MEMBINCANGKANNYA DENGAN SAYA. +

—BERSAMBUNG 2232/AH

MAHATHIR - LATIHAN 3 KUALA LUMPUR

DITANYA BILA KERAJAAN AKAN MEWARTAKAN PINDAAN AKTA PERTUBUHAN YANG DILULUSKAN OLEH DEWAN RAKYAT BARU-BARU INI, TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU BERKATA + SELEPAS IA DITANDATANGANI OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG. +

+ SAYA TELAH MENJALANKAN TUGAS SAYA DAN SEKALIPUN SETELAH DITANDATANGANI OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG, IA MEMERLUKAN MASA UNTUK DICETAK OLEH JABATAN CETAK KERAJAAN. +

—BERNAMA 2241/AH